

## Analisis Matlamat Pembangunan Mapan ke-5 bagi Domain Kesaksamaan Gender berdasarkan Maqasid al-Syariah

### *[An Analysis of Sustainable Development Goal 5 (SDG 5) on Gender Equality through the Lens of Maqasid al-Shariah]*

Wan Nur Izzati Wan Nor Anas<sup>1\*</sup>, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Nerus, Terengganu.

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Nerus, Terengganu.

\*Corresponding email: [wnizzatianas@unisza.edu.my](mailto:wnizzatianas@unisza.edu.my)

#### ARTICLE INFO

Revised Date: 1 September 2025

Accepted Date: 5 Disember 2025

Published Date: 30 Disember 2025

#### Kata Kunci:

*Matlamat Pembangunan Mapan; kesaksamaan gender; maqasid al-syariah*

#### Keywords:

*Sustainable Development Goals; gender equality; maqasid al-syariah*

### Abstrak

Artikel ini bertujuan menganalisis domain kesaksamaan gender dalam Matlamat Pembangunan Mapan (MPM) -5 berdasarkan maqasid al-syariah. Oleh itu, artikel ini mempunyai dua objektif utama. Pertama, menjelaskan konsep gender di dalam Islam dan barat. Kedua, menganalisis kelompangan sedia ada dalam MPM-5 yang tidak menepati maqasid al-Syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui berasaskan dokumentasi digunakan untuk mengumpulkan data berkaitan konsep gender menurut Islam dan berkaitan MPM-5. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Islam berpandangan dan mengiktiraf lelaki dan perempuan sahaja sebagai gender manusia. Manakala, barat pula berpandangan gender adalah binaan masyarakat yang ditentukan oleh manusia dan boleh berubah-ubah berdasarkan situasi. Selain itu juga, kajian mendapati bahawa terdapat kelompangan MPM-5 yang sedia ada adalah MPM-5 ini mengiktiraf secara tidak langsung golongan transgender atau transeksual kerana MPM-5 merangkumi jantina yang telah diubah. Selain itu juga, MPM-5 didapati tidak selari dengan maqasid al-syariah. Sumbangan utama kajian ini adalah kajian ini mencadangkan pemurnian bagi MPM-5 kesaksamaan gender kepada istilah keadilan gender kepada negara Islam dan pelaksanaan MPM-5 berdasarkan maqasid al-syariah.

### Abstract

This article aims to analyse the domain of gender equality in Sustainable Development Goal (SDG)-5 from the perspective of maqasid al-syariah. Accordingly, the article pursues two main objectives. First, it explains the concept of gender in Islam and in the Western tradition. Second, it analyses the existing gaps within SDG-5 that are inconsistent with maqasid al-syariah. This study adopts a qualitative approach based on document analysis to collect data related to the concept of gender in Islam and the framework of SDG-5. The collected data are analysed using content analysis methods. The findings indicate that Islam recognises only male and female as the categories of human gender. In contrast, the Western perspective conceptualises gender as a social construct determined by human agency and subject to change according to context. Furthermore, the study finds that existing gaps in SDG-5 include its implicit recognition of transgender or transsexual individuals, as SDG-5 encompasses genders that have been altered. In addition, SDG-5 is found to be misaligned with the objectives of maqasid al-syariah. The primary contribution of this study lies in its proposal to refine the SDG-5 gender equality framework for Muslim countries by shifting from the notion of gender equality to gender justice and by implementing SDG-5 in accordance with maqasid al-syariah.

## Pengenalan

MPM atau dalam Bahasa Melayu dikenali sebagai Matlamat Pembangunan Mapan merupakan pelan tindakan untuk kemakmuran dunia menjelang 2030. MPM-5 ini berfungsi sebagai pelan tindakan bagi membasmi kemiskinan dalam semua aspek. MPM ini merupakan kesinambungan daripada Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) yang belum dapat dicapai dalam beberapa perkara secara holistik. Di dalam MPM ini mempunyai 17 matlamat utama. Walau bagaimanapun, artikel ini memfokuskan kepada MPM-5 iaitu kesaksamaan gender dengan menekankan pemerksaan wanita (Muhamad Rahimi Hasan & Rashila Ramli, 2022).

MPM-5 mempunyai enam sasaran utama. Pertama, menamatkan diskriminasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Kedua, menamatkan semua keganasan dan eksploitasi terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan. Ketiga, menghapuskan perkahwinan paksa dan mutilasi alat kelamin. Keempat, menghargai penjagaan tanpa gaji dan menggalakkan tanggungjawab domestik bersama. Kelima, memastikan penyertaan penuh dalam kepimpinan dan membuat keputusan. Keenam, akses sejagat kepada hak reproduktif dan kesihatan.

Secara umumnya, kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita wajar diberi keutamaan dalam kerangka pembangunan seperti yang menjadi sasaran kepada MPM-5. Walau bagaimanapun, dalam konteks sebuah negara Islam seperti Malaysia tidak boleh menerima secara langsung kesaksamaan gender secara mutlak seperti barat menerimanya secara langsung. Hal ini disebabkan oleh penggunaan perkataan kesaksamaan gender adalah tidak menepati Islam khususnya. Contohnya, barat mempertikaikan konsep kepimpinan (*qiwamah*) sebagaimana yang terdapat dalam surah al-Nisa' ayat 34. Mereka berpandangan bahawa ayat tersebut membawa konsep kepimpinan yang berbentuk diskriminasi terhadap perempuan. Mereka juga beranggapan Islam meletakkan kedudukan lelaki lebih dominan berbanding perempuan. Namun, tafsiran ini berakar daripada paradigma sekular yang menilai hubungan jantina berdasarkan kuasa dan bukannya berdasarkan tanggungjawab dan amanah.

Sedangkan menurut tafsiran ulama seperti al-Qurtubi dan Ibn Kathir, *qiwamah* bukanlah satu bentuk dominasi lelaki ke atas perempuan tetapi berbentuk tanggungjawab dan perlindungan yang dipikul oleh lelaki terhadap wanita dalam konteks keluarga dan masyarakat. Lelaki diberi peranan kepimpinan kerana mereka memikul beban nafkah, perlindungan, dan bimbingan moral, sebagaimana dijelaskan oleh Allah: Ayat ini menjelaskan bahawa kelebihan lelaki bukanlah kelebihan nilai kemanusiaan, tetapi kelebihan fungsi dan tanggungjawab. Oleh itu, konsep kepimpinan dalam Islam adalah kepimpinan yang berasaskan keadilan, kasih sayang, dan tanggungjawab moral, bukan kezaliman atau penindasan terhadap wanita.

Kesimpulannya, tafsiran Barat terhadap ayat ini mencerminkan kekeliruan epistemologi mereka menilai teks wahyu dengan ukuran feminisme moden, sedangkan Islam menilai kepimpinan berdasarkan *maqasid al-Syariah*, iaitu untuk menjaga kemaslahatan *hifz al-nasl* dan *hifz al-din* dalam struktur sosial yang seimbang antara hak dan tanggungjawab. Justeru itu, artikel ini menjelaskan konsep gender menurut Islam. Kedua, menganalisis kelompangan sedia ada dalam MPM-5 yang tidak menepati *maqasid al-Syariah*.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tujuan untuk memahami dan meneroka secara mendalam konsep gender menurut perspektif Islam dan Barat, serta menganalisis domain kesaksamaan gender dalam Matlamat Pembangunan Mapan (MPM-5) berdasarkan kerangka *maqasid al-syariah*. Pendekatan kualitatif dipilih kerana kajian ini bersifat konseptual dan interpretatif, yang menuntut analisis terhadap idea, nilai, prinsip serta asas epistemologi yang mendasari pembentukan wacana gender dan pembangunan manusia sejagat. Reka bentuk kajian ini berfokus kepada kajian dokumentasi, selari dengan objektif kajian yang menekankan penilaian kritikal terhadap teks dan wacana, bukan pengukuran empirikal.


Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah dokumentasi, melibatkan analisis terhadap sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan. Sumber primer merangkumi al-Qur'an, hadis sahih, serta karya klasik dan kontemporari dalam bidang tafsir, fiqh, usul al-fiqh dan *maqasid al-syariah* yang membincangkan konsep gender, keadilan dan fitrah manusia. Selain itu, kajian ini turut merujuk

kepada dokumen rasmi antarabangsa berkaitan MPM-5, termasuk laporan dan kerangka dasar yang diterbitkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), serta literatur akademik Barat yang membahaskan teori gender dan kesaksamaan. Pemilihan dokumen dibuat secara purposif berdasarkan kerelevanan, autoriti ilmiah dan sumbangan langsung kepada objektif kajian.

Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif. Analisis ini dilaksanakan dengan mengenal pasti tema, konsep utama dan pola hujah yang berkaitan dengan definisi gender, asas pembinaan kesaksamaan, serta implikasi normatif MPM-5 terhadap kehidupan manusia. Dapatan analisis kemudiannya ditafsirkan melalui lensa maqasid al-syariah bagi menilai tahap keserasian, kelompangan dan percanggahan antara kerangka pembangunan global dengan prinsip syariah Islam, seterusnya membolehkan kajian ini mengemukakan penilaian kritikal yang berlandaskan pendekatan ilmiah dan normatif.

## Dapatan

Rajah 2 di bawah menggambarkan secara visual konsep gender menurut Islam dan barat.



Rajah 2: Konsep Gender berdasarkan Islam dan Barat

MPM-5 merupakan salah satu perkara yang sangat penting kerana berkaitan gender. Namun, sangat penting untuk melihat secara terperinci sama ada gender yang dimaksudkan di dalam MPM-5 berdasarkan kerangka Islam atau sebaliknya. Ini kerana, apabila terdapat percanggahan konsep gender yang dibawakan oleh Islam memberi implikasi kepada konsep keadilan gender, penggubalan dasar awam, serta pelaksanaan program pembangunan sosial dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya dari sudut pemeliharaan fitrah insan, nilai moral, dan maqasid al-syariah.

Secara etimologinya, istilah *gender* berasal daripada perkataan Inggeris *gender*, yang diambil daripada kosa kata lama Perancis *gendre* atau *genre*, yang membawa maksud *kind*, *genus*, atau *style*. Istilah ini pula berpunca daripada perkataan Latin *genus* atau *gender*, yang bermakna *race* atau *kind*, iaitu jenis atau kelompok (Walter W. Skeat, 1993). Dalam konteks linguistik Eropah klasik, istilah ini pada asalnya digunakan untuk merujuk kepada pengelasan kata nama dalam bahasa seperti Latin dan Greek dan bukan untuk membezakan jantina manusia. Namun, selepas pertengahan abad ke-20, terutamanya pasca gelombang kedua feminisme, istilah *gender* mula digunakan secara meluas untuk membezakan antara perbezaan biologi dan peranan sosial (*gender*) dalam kalangan manusia.

Menurut Noresah Baharom et al. (2005), dalam Bahasa Melayu, istilah *gender* secara literalnya diterjemahkan sebagai jantina. Walau bagaimanapun, terjemahan ini tidak sepenuhnya menangkap makna konseptual moden istilah *gender*, kerana dalam wacana sosiologi dan antropologi kontemporari, *gender* tidak hanya bermaksud jantina biologi tetapi merujuk kepada peranan, tanggungjawab, dan identiti sosial yang dikonstruksi oleh masyarakat berdasarkan persepsi terhadap lelaki dan perempuan. Oleh itu, *gender* ialah suatu konstruk sosial yang berubah mengikut budaya, masa, dan sistem nilai yang mendasari sesebuah masyarakat.

Di dalam al-Qur'an dan hadis, tiada istilah yang secara langsung menyamai konsep *gender* dalam makna sosiologinya. Namun demikian, terdapat beberapa istilah yang mendekati makna perbezaan jantina, antaranya *al-rajul* atau al-rijal (lelaki) dan *al-mar'ah* atau *al-nisa'* (perempuan). Di samping itu, al-Qur'an secara konsisten menggunakan istilah al-dhakar untuk lelaki dan *al-untha* untuk perempuan, seperti yang disebut dalam Surah al-Lail ayat 3:

Istilah al-dhakar dan al-unthā digunakan dalam konteks penciptaan biologi, sedangkan al-rajul dan al-mar'ah pula digunakan dalam konteks peranan sosial dan tanggungjawab. Menurut Bataeh Alias et al. (2020), perbezaan ini memperlihatkan bahawa al-Qur'an mengiktiraf kedua-dua dimensi iaitu biologi dan sosial tetapi tetap meletakkan batasan fitrah dan peranan yang berpaksikan keseimbangan serta keadilan.

Sebaliknya, dalam tradisi Barat, istilah *gender* berkembang sebagai suatu bentuk protes intelektual dan sosial terhadap sistem patriarki dan ketidakseimbangan kuasa antara lelaki dan wanita. Menurut 'Imarah (2004), konsep *gender* dalam pemikiran Barat moden muncul sebagai agenda feminisme untuk menuntut kesamarataan total (*absolute equality*) antara lelaki dan perempuan tanpa mempertimbangkan perbezaan fitrah semula jadi. Akibatnya, lahir pelbagai teori seperti *gender performativity* oleh Judith Butler (1990) yang melihat jantina sebagai hasil tindakan sosial yang diulang dan bukannya realiti biologi tetap. Pandangan sebegini berakar pada falsafah sekularisme yang memisahkan dimensi spiritual dan moral daripada struktur sosial manusia.

Dalam pandangan Islam, Allah S.W.T menciptakan lelaki dan perempuan dengan fitrah, fungsi, dan fisiologi yang berbeza, sebagaimana ditegaskan dalam Surah Ali 'Imran ayat 36. Perbezaan ini bukanlah manifestasi diskriminasi, tetapi lambang hikmah Ilahi dalam pengaturan sosial manusia. Lantaran itu, setiap jantina memiliki peranan dan tanggungjawab sosial yang saling melengkapi, bukan bersaing. Dalam epistemologi Islam, perbezaan ini disebut sebagai fitrah, iaitu keaslian ciptaan manusia yang bersesuaian dengan tujuan penciptaannya (*maqasid al-khalq*). Maka, sebarang usaha untuk menafikan perbezaan fitrah ini dianggap bertentangan dengan prinsip tauhid dan keadilan Ilahi.

Dari perspektif fiqh, perbezaan gender bukan bertujuan untuk mengasingkan peranan atau mengurangkan martabat, sebaliknya untuk menegakkan keseimbangan sosial (*tawazun ijtimai'*) dan menjamin kemaslahatan (*maslahah*) antara kedua-dua pihak. Oleh itu, Islam menolak konsep *gender neutrality* atau *gender fluidity* yang menafikan dualisme ciptaan lelaki-perempuan. Sebaliknya, Islam memperjuangkan keadilan gender (*gender justice*), bukan kesamarataan gender (*gender equality*) secara mutlak. Keadilan dalam konteks ini bermaksud memberikan hak, tanggungjawab, dan penghormatan sesuai dengan fitrah dan keupayaan masing-masing.

Kesimpulannya, walaupun istilah gender dalam wacana Islam dan barat saling membincangkan perbezaan antara lelaki dan perempuan, namun asas epistemologinya adalah berbeza. Barat mendefinisikan gender dalam kerangka sosial dan politik yang berubah-ubah, sedangkan Islam mendasarkannya kepada wahyu, fitrah, dan maqasid syariah. Perbezaan ini menjadi asas kepada keperluan membina kerangka i-SDG (Islamic Sustainable Development Goals) yang menilai semula indikator kesaksamaan gender menurut neraca syariah, agar pembangunan gender selari dengan kaca mata Islam.

## Perbincangan

### **Analisis Kelompangan MPM- 5 Yang Tidak Menepati Maqasid Al-Syariah**

SDGs – 5 telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2015. Ini bertujuan untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua wanita dan kanak-kanak perempuan. Walaupun matlamat ini secara langsung selari dengan prinsip Islam dalam memperjuangkan keadilan sosial dan martabat manusia. Namun apabila dianalisis secara mendalam melalui kerangka Maqasid al-Syariah, terdapat beberapa kelompangan epistemologi, konsep dan pelaksanaannya yang menjadikan MPM-5 belum menepati kaca mata Islam.

Analisis berikut memperincikan lima kelompangan utama berdasarkan kategori maqasid: syariah antaranya *hifz al-din* (pemeliharaan agama), *hifz al-nafs* (nyawa), *hifz al-'aql* (akal), *hifz al-nasl*

(keturunan), dan *hifz al-mal* (harta).

### 1. Kelompangan Epistemologi: Kesamarataan Gender vs Keadilan Gender (*Hifz al-Din*)

MPM- 5 menekankan kesamarataan gender secara mutlak tanpa melibatkan perbezaan fitrah, biologi, dan tanggungjawab sosial yang telah ditentukan oleh syarak. Prinsip kesamarataan gender secara mutlak ini berpaksikan falsafah liberal dan sekular barat yang menolak autoriti wahyu dan menjadikan manusia sebagai pusat atau ukuran nilai.

Dalam falsafah ini, kesamarataan diukur berdasarkan persamaan kuasa dan kebebasan tanpa mengambil kira perbezaan fitrah atau struktur tanggungjawab sosial yang ditetapkan oleh Tuhan. Akibatnya, konsep gender dalam MPM-5 menjadi alat ideologi untuk menolak norma agama dan memaksakan tafsiran seragam tentang kesamarataan, walaupun ia bertentangan dengan prinsip moral dan hukum Islam

Sebaliknya, Islam menegakkan konsep *'adl* (keadilan), bukan *musawah* (kesamarataan) secara mutlak. Di dalam Islam, adil merujuk kepada menempatkan sesuatu pada tempatnya. Di dalam hal ini, keadilan dalam Islam memberi hak dan tanggungjawab berdasarkan fitrah dan maqasid lelaki dan perempuan berbeza dari segi biologi tetapi setara dari sudut kemuliaan (*karamah insaniyyah*) seperti yang dijelaskan dalam Surah al-Hujurat ayat 13. Maka, apabila SDGs- 5 menuntut kesamarataan dalam semua bidang termasuk pewarisan, kepimpinan, dan peranan sosial tanpa menimbang batas syarak, ia telah berkonflik dengan Maqasid *hifz al-din*, iaitu pemeliharaan tatanan agama sebagai asas kehidupan.

Justeru itu, Islam melihat perbezaan lelaki dan perempuan dari segi peranan, fungsi adalah untuk saling melengkapi bukannya satu persaingan seperti yang dijelaskan di dalam surah al-Hujurat ayat 13. Ayat tersebut menjelaskan bahawa kemuliaan manusia diukur berdasarkan ketaqwaan. Dan bukannya berdasarkan gender semata.

Oleh itu, apabila MPM-5 menuntut kesamarataan mutlak dalam semua bidang termasuk pewarisan, kepimpinan, dan peranan sosial tanpa melihat batasan syarak dan keseimbangan fitrah, maka ini telah membawa kepada konflik dan menyalahi maqasid al-syariah terutamanya dalam konteks *Hifz al-Din*. Tuntutan kesamarataan gender ini akan membawa kepada keruntuhan struktur nilai Islam, kerana keadilan dalam Islam tidak diukur dengan keseragaman luaran, tetapi dengan kesepadanan fungsi dan keseimbangan tanggungjawab.

Kesimpulannya, kelompangan epistemologi MPM-5 terletak pada asas pemikirannya yang mengabaikan maqasid al-syariah dan menggantikan keadilan Ilahi dengan kesamarataan manusiawi. Islam menegakkan bahawa keadilan gender hanya dapat dicapai apabila lelaki dan wanita dihargai mengikut fitrah dan maqasid penciptaan mereka.

### 2. Kelompangan terhadap hak kebebasan individu secara mutlak (*Hifz al-Nafs dan Hifz al-'Aql*)

Sebahagian indikator MPM-5, seperti sasaran "*Ensure women's full and effective participation and equal opportunities for leadership at all levels of decision-making*" dan "*Ensure universal access to sexual and reproductive health and reproductive rights*", berakar daripada falsafah liberal-feminisme yang mengutamakan autonomi tubuh dan hak sendiri reproduktif.

Walau bagaimanapun, dalam kerangka Maqasid, kebebasan individu mesti berada dalam ruang masalah (kebaikan) dan dharurah (keperluan) yang ditetapkan oleh syariah. Islam tidak menolak hak wanita terhadap kesihatan dan keselamatan diri, tetapi menolak naratif *sexual freedom* dan *abortion rights* yang bercanggah dengan prinsip *hifz al-nafs* (pemeliharaan nyawa) dan *hifz al-nasl* (pemeliharaan keturunan).

Contohnya, promosi "hak wanita untuk menggugurkan kandungan" atau "hak orientasi seksual pilihan" yang muncul di bawah tafsiran liberal SDG 5, secara jelas bertentangan dengan maqasid pemeliharaan jiwa dan kesinambungan zuriat. Maka, di sini terdapat ketegangan nilai antara konsep kebebasan Barat dengan konsep tanggungjawab moral Islam.

### 3. Kelompangan dalam Pendekatan Kesaksamaan Ekonomi (Hifz al-Mal)

Salah satu aspek penting yang menunjukkan ketidakseimbangan MPM-5 dengan kerangka maqasid al-syariah ialah pendekatan terhadap kesaksamaan ekonomi antara lelaki dan wanita. Matlamat MPM-5 menekankan bahawa wanita perlu mempunyai hak ekonomi yang sama seperti lelaki, termasuk hak untuk memiliki harta, mengawal sumber kewangan, dan mendapat akses pekerjaan serta peluang ekonomi yang setara. Sekilas pandang, tuntutan ini kelihatan sejajar dengan prinsip Islam yang mengiktiraf hak wanita terhadap pemilikan harta dan pendapatan sendiri, sebagaimana ditegaskan oleh Allah S.W.T dalam Surah al-Nisa' ayat 32.

Namun, apabila diteliti melalui lensa *maqasid al-syariah*, pendekatan MPM-5 ini tidak mengambil kira keadilan struktur sosial dan tanggungjawab ekonomi dalam Islam. Dalam Islam, sistem kewangan keluarga berfungsi atas asas qawwamah iaitu lelaki memikul tanggungjawab utama terhadap nafkah, perlindungan, dan kestabilan kewangan keluarga. Wanita pula berhak sepenuhnya terhadap hartanya tanpa tanggungjawab untuk menanggung keluarga. Ini bermakna, hak ekonomi wanita dalam Islam adalah bebas daripada beban tanggungjawab kewangan, bukan hasil daripada kesamarataan peranan dengan lelaki.

Sebaliknya, pendekatan MPM-5 yang menuntut *equal economic participation* tanpa mempertimbangkan struktur tanggungjawab ini berpotensi mewujudkan ketidakseimbangan sosial dan gangguan terhadap keharmonian institusi keluarga Muslim. Jika wanita dan lelaki dipaksa memikul tanggungjawab ekonomi yang sama atas nama kesaksamaan, maka prinsip *Hifz al-Mal* (pemeliharaan harta) dan *Hifz al-Nasl* (pemeliharaan keturunan) akan terjejas. Ini kerana peranan dan beban kewangan yang tidak seimbang boleh menghakis fungsi lelaki sebagai pelindung keluarga, serta menjejaskan kestabilan emosi dan sosioekonomi rumah tangga.

Selain itu juga, apabila wanita ditekan oleh tuntutan kesamarataan ekonomi misalnya perlu bekerja keras untuk menyaingi lelaki. Sedangkan perkara seumpama itu boleh membawa kepada pengabaian peranan wanita terhadap keluarganya. Maka, kesejahteraan ekonomi menurut Islam tidak hanya diukur melalui pendapatan dan pekerjaan tetapi melalui keharmonian tanggungjawab dan kestabilan sosial.

Oleh itu, model ekonomi yang digagaskan oleh MPM-5 perlu dinilai semula dan diislamisasikan agar ia mengambil kira keseimbangan antara hak dan tanggungjawab sebagaimana yang ditetapkan oleh syariah. Keadilan ekonomi dalam Islam bukan bermaksud penyamaan fungsi antara lelaki dan wanita, tetapi pembahagian tanggungjawab yang adil berasaskan fitrah, masalah dan peranan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Dengan itu, prinsip *hifz al-mal* dapat dipelihara seiring dengan kestabilan keluarga dan kesinambungan zuriat yang menjadi tunjang *hifz al-nasl*.

### 4. Kelompangan dalam Pemahaman terhadap Struktur Keluarga dan Peranan Gender (Hifz al-Nasl)

Salah satu sasaran utama MPM-5 ialah "*Eliminate all harmful practices, such as child, early and forced marriage and female genital mutilation (FGM)*". Walaupun usaha menentang perkahwinan paksa dan amalan yang benar-benar menzalimi wanita adalah selaras dengan prinsip Islam yang menegakkan keadilan dan maruah manusia, namun definisi dan piawaian yang digunakan oleh MPM-5 sering kali bersifat **universal-sekular** dan tidak mengambil kira konteks hukum syarak serta budaya Islam.

Dalam kerangka Islam, perkahwinan awal tidak semestinya bermaksud "perkahwinan kanak-kanak" sebagaimana yang difahami oleh Barat. Islam mengiktiraf perkahwinan awal yang sah dan matang secara syarie, asalkan ia memenuhi tiga syarat asas: baligh (kematangan fizikal), mampu (kematangan mental dan ekonomi), serta kerelaan kedua-dua pihak. Selagi syarat ini dipenuhi, perkahwinan tersebut dianggap sah dan membawa kepada kemaslahatan sosial. Namun, dalam MPM-5, semua perkahwinan sebelum umur 18 tahun secara automatik dilabel sebagai *child marriage*, tanpa mengambil kira kepelbagaian sistem nilai dan tradisi hukum masyarakat Islam.

Begitu juga dengan isu khitan yang sering dijadikan bahan kritikan oleh aktivis gender antarabangsa. Dalam naratif MPM-5, semua bentuk khitan wanita digeneralisasikan sebagai *female*

*genital mutilation (FGM)* iaitu satu bentuk “pemotongan kejam terhadap organ wanita” yang dianggap melanggar hak asasi manusia. Namun, Islam membezakan antara khitan yang bersifat perubatan dan sunnah fitrah, dengan amalan mutilasi ekstrem yang sememangnya dilarang. Khitan wanita dalam Islam bukanlah bertujuan mencederakan atau menindas, tetapi merupakan amalan simbolik yang berkaitan dengan kebersihan, kesucian, dan identiti keagamaan sebagaimana dijelaskan dalam hadis bahawa “*khitan adalah sebahagian daripada fitrah manusia*” (Riwayat Muslim).

Kegagalan MPM-5 membezakan antara khitan syarie dan mutilasi kejam ini mencerminkan kekeliruan epistemologi antara syariah dan barat. Ia memperlihatkan bahawa penilaian Barat sering b menilai semata-mata dari aspek material tanpa mempertimbangkan nilai spiritual, moral, dan budaya Islam yang mendasarinya.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pendekatan MPM-5 dalam isu perkahwinan awal dan khitan wanita menunjukkan kelemahan dalam memahami kerangka nilai **Islam** yang berasaskan maqasid. Penolakan terhadap konteks syarak ini bukan sahaja menjejaskan *hifz al-nasl* tetapi juga menggugat *hifz al-'ird* kerana ia menggambarkan ajaran Islam sebagai mundur dan menindas wanita. Sedangkan, hakikatnya Islam mempunyai sistem perlindungan yang jauh lebih komprehensif dan seimbang yang memastikan kehormatan, kesejahteraan, dan maruah wanita sentiasa terpelihara dalam batas hukum dan fitrah Ilahi.

### 5. Kelompangan dalam Asas Ontologi dan Tujuan Pembangunan (*Hifz al-Din & al-'Aql*)

Secara asasnya, MPM-5 dibina atas human-centered worldview dan bersifat Pembangunan yang menjadikan manusia sebagai ukuran utama kemajuan dan menilai kejayaan. Contohnya, kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja, jumlah pemimpin wanita dalam politik, atau peratusan wanita dalam sektor ekonomi formal. Pendekatan ini mungkin berkesan dalam menilai kemajuan material, namun ia mengabaikan dimensi spiritual, moral, dan nilai wahyu yang menjadi asas kepada kesejahteraan sejati menurut pandangan Islam.

Dalam Islam, pembangunan tidak boleh dipisahkan daripada asas tauhid dan takwa iaitu kesedaran mendalam tentang hubungan manusia dengan Pencipta dan tanggungjawab sosial terhadap sesama manusia. Pembangunan yang berpaksikan tauhid bukan sahaja menilai hasil fizikal atau ekonomi, tetapi juga kualiti jiwa, akhlak, dan keadilan sosial. Oleh itu, ukuran kejayaan gender dalam Islam bukan sekadar bilangan wanita di parlimen atau pasaran kerja, tetapi sejauh mana kedua-dua lelaki dan wanita menunaikan peranan mereka sebagai hamba Allah dan pemimpin yang bertanggungjawab di bumi.

Kegagalan MPM-5 untuk mengambil kira asas ini menjadikan usaha memperkasa wanita hanya bersifat luaran tanpa bersifat kerohanian. Ia menumpukan kepada *procedural justice* tetapi mengabaikan *substantive justice* yang menilai kesejahteraan dari sudut akidah, akhlak dan ketenangan jiwa.

Maqasid al-Syariah mengajarkan bahawa pembangunan sejati berlaku apabila setiap aspek kehidupan termasuk peranan gender disusun berlandaskan *hifz al-din* (pemeliharaan agama) dan *hifz al-'aql* (pemeliharaan akal). Ini kerana pembangunan yang terpisah daripada nilai wahyu hanya akan menghasilkan masyarakat yang materialistik, kehilangan arah moral, dan akhirnya menindas nilai fitrah manusia sendiri.

Oleh itu, *kelompangan utama MPM-5* bukan sekadar pada indikator atau pelaksanaannya, tetapi pada asas ontologi dan epistemologi pembangunan itu sendiri yang gagal menghubungkan pembangunan gender dengan tujuan penciptaan manusia. Dalam Islam, pembangunan bukan sekadar proses memperkasa individu secara ekonomi, tetapi proses memartabatkan insan sebagai makhluk bertauhid yang berperanan menegakkan keadilan Ilahi di muka bumi.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, MPM-5 membawa aspirasi kemanusiaan khususnya dalam usaha menegakkan keadilan sosial dan memperkasa wanita di seluruh dunia. Namun begitu, pendekatan yang digunakan berasaskan paradigma sekular dan liberal barat yang terpisah daripada panduan wahyu menjadikan matlamat tersebut tidak sepenuhnya menepati kerangka keadilan Islam. Paradigma ini menilai pembangunan hanya dari sudut material, kuasa dan kebebasan individu, tanpa mempertimbangkan dimensi rohani, moral, dan fitrah manusia yang menjadi asas keseimbangan dalam Islam.

Kelemahan utama MPM-5 terletak pada kegagalannya mengiktiraf perbezaan fitrah dan tanggungjawab sosial antara lelaki dan wanita serta mengabaikan tujuan penciptaan manusia yang berpaksikan pengabdian kepada Allah. Islam tidak menolak keperluan memperkasakan wanita tetapi memperjuangkannya dalam kerangka maqasid al-syariah.

Oleh itu, satu penilaian semula menyeluruh terhadap MPM-5 perlu dilakukan dengan membangunkan kerangka alternatif yang berteraskan Islam. Kerangka ini mengintegrasikan prinsip maqasid al-syariah dalam setiap indikator, supaya pembangunan gender bukan hanya tentang kesamarataan angka atau peranan tetapi mengenai keseimbangan antara hak dan tanggungjawab serta keadilan yang berakar daripada fitrah manusia.

Dengan pendekatan ini, pembangunan gender akan bergerak daripada sekadar pencapaian duniawi kepada pembangunan insan holistik yang menegakkan martabat wanita dan lelaki sebagai 'abid dan khalifah di bumi, selaras dengan tujuan sebenar syariah dan kehendak penciptaan manusia.

## Rujukan

- Arifinsyah, Dalimunthe, M. A., & Riza, F. (2025). Islamic Theological Perspectives on Human Rights: Bridging the Gap between Faith and Universal Principles. *Pharos Journal of Theology*, 106(SpecialIssue-2), 1–20. <https://doi.org/10.46222/pharosjot.106.207>
- Atci, İ. (2024). Exemptions Granted to Women in Islamic Law: The Example of Hajj[İSLAM HUKUKUNDA KADINLARA TANINAN MUAFİYETLER: HAC ÖRNEĞİ]. *Mutefekkir*, 11(22), 589–614. <https://doi.org/10.30523/mutefekkir.1600733>
- Bor, A., & Şahin, H. (2018). The nature of disposition (Fitrah) in relation with religion[Din ile ilişki bağlamında fitratin mahiyeti]. *Cumhuriyet İlahiyat Dergisi*, 22(3), 1765–1788. <https://doi.org/10.18505/cuid.448089>
- Budyn-Kulik, M. (2024). Protecting Women from Violence in Light of the UN Sustainable Development Goals from the Perspective of a Postmodern Society. *Bialostockie Studia Prawnicze*, 29(4), 35–48. <https://doi.org/10.15290/bsp.2024.29.04.03>
- Chernikov, V. V., & Goncharenko, O. K. (2021). The problems of violence against women in international law. *Vestnik Sankt-Peterburgskogo Universiteta. Pravo*, 12(3), 803–819. <https://doi.org/10.21638/SPBU14.2021.319>
- Chiclana-Actis, C., & Soriano, V. (2023). The use of 'sex' and 'gender' in medical research. *AIDS Reviews*, 25(2), 96–100. <https://doi.org/10.24875/AIDSRev.23000012>
- Chiland, C. (2016). What is gender?[Qu'est-ce que le genre?]. *Neuropsychiatrie de l'Enfance et de l'Adolescence*, 64(1), 1–6. <https://doi.org/10.1016/j.neurenf.2015.11.001>
- Duderija, A. (2016). The Custom (urf) Based Assumptions Regarding Gender Roles and Norms in the Islamic Tradition. *Studies in Religion-Sciences Religieuses*, 45(4), 581–599. <https://doi.org/10.1177/0008429815596549>
- Henriksen, H. Z., Thapa, D., & Elbanna, A. (2021). Sustainable Development Goals in IS Research

Opening the agenda beyond developing countries' research. *Scandinavian Journal of Information Systems*. <https://www.scopus.com/pages/publications/85127431299?origin=scopusAI>

- Holmshaw, J., & Hillier, S. (2014). Gender and culture: A sociological perspective to mental health problems in women. In *Women and Mental Health* (pp. 39–64). Taylor and Francis. <https://doi.org/10.4324/9781315812335-10>
- Husain, A., Nazam, F., & Gull, M. (2024). RELIABILITY, VALIDITY AND FACTOR STRUCTURE OF FITRAH SCALE. *Afkar*, 26(2), 235–254. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol26no2.7>
- Isa, F. G. (2022). Sustainable Development Goals (SDG): Towards a new intra: Towards inter-generational social contract[LOS OBJETIVOS DE DESARROLLO SOSTENIBLE (ODS): HACIA UN NUEVO CONTRATO SOCIAL INTRA E INTER-GENERACIONAL]. *Estudios de Deusto*, 70(2), 191–224. <https://doi.org/10.18543/ed.2650>
- Kobayashi, K. (2021). The Future of Gender Equality in Nippon: The Role of Business, Government, and Society. In *CSR, Sustainability, Ethics and Governance* (pp. 209–224). Springer Nature. [https://doi.org/10.1007/978-3-030-75154-8\\_11](https://doi.org/10.1007/978-3-030-75154-8_11)
- McLaughlin, J., Casey, M. E., & Richardson, D. (2006). Introduction: At the Intersections of Feminist and Queer Debates. In *Genders and Sexualities in the Social Sciences* (pp. 1–18). Palgrave Macmillan. [https://doi.org/10.1057/9780230625266\\_1](https://doi.org/10.1057/9780230625266_1)
- Mehellou, A., Mohamad Saleh, M. S., & Omar, B. (2023). Maqāṣid al-Sharī'ah as Goal Framing for Sustainable Behaviours: A Conceptual Framework. *Intellectual Discourse*. <https://www.scopus.com/pages/publications/85177787636?origin=scopusAI>
- Miller, P. (2021). Gender and generation in thinking with patriarchy. In *Advances in Gender Research* (Vol. 30, pp. 15–33). Emerald Group Holdings Ltd. <https://doi.org/10.1108/S1529-212620210000030001>
- Muhsin, S. M., Yahya, F., Parachottil, R., Shaikh, S., & Chin, A. H. B. (2024). Sex Reassignment Surgery, Marriage, and Reproductive Rights of Intersex and Transgender People in Sunni Islam. *Archives of Sexual Behavior*, 53(5), 1681–1694. <https://doi.org/10.1007/s10508-024-02813-9>
- Perkins, K. M., Kurtiş, T., & Velazquez, L. (2022). Progress Toward the Sustainable Development Goals: Insights from the Global South. *International Perspectives in Psychology: Research, Practice, Consultation*, 11(3), 197–205. <https://doi.org/10.1027/2157-3891/a000043>
- Santoso, D., Yusefri, Shesa, L., Asmara, M., Usmani, S. A. A., & Syarifudin, A. (2022). The Understanding of the Jamaah Tabligh on Wife Gender Justice: A Maqāṣid Sharī'a Review. *Juris: Jurnal Ilmiah Syariah*, 21(2), 183–194. <https://doi.org/10.31958/juris.v21i2.6935>
- Sekscinska, K., Trzcinska, A., & Maison, D. A. (2016). The influence of different social roles activation on women's financial and consumer choices. *Frontiers in Psychology*, 7(MAR). <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2016.00365>
- Taufiqurohman, & Fauziah, N. (2023). The Evaluation of Maqāṣid Asy-Syarī'ah on Discourses of the Islamic Family Law. *El-Ussrah*, 6(1), 81–90. <https://doi.org/10.22373/ujhk.v6i1.13035>